

# Kampung moden ilham Dr. M sudah siap

UM 28 NOV 2003

**J**ITRA 27 Nov. — Projek perkampungan moden di Mukim Temin dan Binjai dekat sini yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah pun siap dan sedia untuk diduduki.

*Utusan Malaysia* difahamkan kunci rumah tersebut akan diserahkan kepada para pembeli dalam masa terdekat dan mereka dijangka mula menduduki rumah berkenaan mulai awal tahun depan.

Perkampungan moden yang serba lengkap itu adalah projek perintis kerajaan bagi memastikan masyarakat luar bandar menikmati suasana kehidupan yang lebih sempurna dan pada masa yang sama masih mengekalkan suasana kampung.

Projek itu dibangunkan oleh Desa Pedoman Sema-rak Sdn. Bhd., anak syarikat Putrajaya Holdings yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Perkampungan moden Mukim Temin yang akan dilengkapi dengan prasarana termasuk industri kecil itu merupakan projek perintis Kerajaan Pusat bagi memastikan masyarakat luar bandar hidup dengan lebih sempurna dan tersusun.

Projek perkampungan di tapak seluas 36 hektar itu mempunyai 191 unit kediaman dan setiap unit rumah dua tingkat itu akan dijual dengan harga RM40,000 hingga RM45,000.

Kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kawasan perkampungan tersebut

ialah pasar, pejabat pos, klinik desa, perpustakaan, masjid, dewan serbaguna, pondok polis, balai penghulu, tadika, taman permainan dan gelanggang budaya.

Dr. Mahathir yang melawat tapak projek di salah satu kawasan itu semasa beliau menjadi Perdana Menteri melahirkan harapannya untuk melihat kejayaan perkampungan moden ini agar setanding dengan kemajuan di bandar-bandar.

Menariknya perkampungan moden ini ialah ia bukan sahaja akan dilengkapi dengan industri kecil bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat malah turut mempunyai pelbagai kemudahan asas lain termasuk kawasan rekreasi.

Matlamatnya jelas - untuk memberi peluang kepada masyarakat luar bandar yang kurang berkemampuan, turut sama menikmati kesejahteraan hidup, seperti yang berlaku di bandar-bandar.

Sebanyak 191 unit rumah (929 meter persegi setiap satu) meliputi kawasan seluas 36 hektar akan didirikan di Laka Temin manakala di Binjal pula ialah 161 unit (32 hektar).

Apa yang menarik, penduduk kampung yang kurang berkemampuan akan diberikan pinjaman mudah dengan kadar bayaran paling minimum iaitu kira-kira RM100 hingga RM150 sebulan.